

# PM harap Yayasan Budiman bantu pelajar UiTM

UM 22 APR 2000

PETALING JAYA 21 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Yayasan Budiman Universiti Teknologi Mara (YBUiTM) dapat memainkan peranannya untuk membantu sebanyak mungkin pelajar universiti tersebut meneruskan pelajaran mereka.

Sehubungan itu katanya, yayasan tersebut seharusnya mendapat sokongan daripada semua pihak khususnya bekas pelajar UiTM.

Menurutnya, sokongan sedemikian sejajar dengan perasaan terhutang budi

yang harus ada dalam setiap bekas pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini.

“Perasaan terhutang budi penting dalam masyarakat kita. Kalau kita tidak ada perasaan terhutang budi, masyarakat kita akan jadi masyarakat yang tidak ada hubungan di antara yang lama dan baru.

“Kalau tidak ada perasaan ini, sukar bagi kita untuk menolong mereka yang memerlukan bantuan,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam anjuran YBUiTM, di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya semua Alumni berasa terhutang budi kepada institusi yang memberikan pelajaran kepada mereka sehingga berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam hidup.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YBUiTM, Tan Sri Mohd. Salleh Sulong serta menteri-menteri kabinet.

Sebanyak RM1.3 juta berjaya dikumpulkan daripada para penderma yang hadir pada majlis itu termasuk sumbangan bernilai RM1 juta daripada individu yang tidak mahu dikenali.

Sumbangan RM1 juta itu adalah dalam bentuk wang tunai RM100,000, barangan bernilai RM100,000, saham RM200,000 dan rumah kedai bernilai RM600,000.

Pada majlis itu juga Dr. Siti Hasmah turut menyampaikan bantuan daripada yayasan tersebut kepada lima pelajar UiTM.